



Nama:

Kelas:

## Ayat Perintah

### Kampung Budaya Mari Mari

Hanif dan Nabila telah mewakili sekolah dalam lawatan ke Sabah. Pada hari kedua lawatan, mereka ke Kampung Budaya Mari Mari di Inanam, Sabah.

**Minta perhatian semua.** Di sini, kita akan melihat kehidupan dan budaya lima etnik utama di Sabah, iaitu Kadazandusun, Rungus, Lundayeh, Bajau dan Murut.

Baiklah, murid-murid. **Sila beratur sebelum masuk ke dalam.** Tunjukkanlah kelakuan yang baik sepanjang lawatan ini. **Usah sentuh barangan yang dipamerkan.**

Baik, cikgu.

Hanif, apakah lagi peraturan lain semasa berada di sini?

Baiklah. Nanti, saya beritahu kawan-kawan tentang peraturan tersebut.

Baiklah. Mari kita masuk ke dalam rumah itu.



## Aktiviti

Membina ayat perintah.

### Info Bahasa

Ayat perintah ialah ayat yang digunakan untuk menimbulkan sesuatu tindakan. Terdapat empat jenis ayat perintah.

1. **Ayat suruhan** bertujuan untuk memberikan arahan.
2. **Ayat larangan** ialah ayat dengan kata larangan **jangan** dan **usah** yang bertujuan untuk menegah seseorang melakukan sesuatu.
3. **Ayat silaan** ialah ayat dengan kata silaan seperti **sila** dan **jemput** yang bertujuan untuk mempersilakan seseorang.
4. **Ayat permintaan** ialah ayat dengan kata permintaan seperti **minta** dan **tolong** yang bertujuan untuk memohon pertolongan atau membuat permintaan.

Nota Guru

5.3.1

(ii)

- Murid memahami ayat perintah dalam dialog.
  - Murid membina ayat perintah.
- KB – Membuat inferens  
EMK: Nilai Murni – Menghargai

Konstruktivisme – Menghubung kait

**Arahan: Sila bina ayat perintah yang betul berdasarkan dialog di atas. Setelah siap, salin semula dialog yang lengkap ke dalam buku tulis kamu.**

Hanif: Jangan \_\_\_\_\_.